

PRAKTIS KE ARAH UPSR 8**UPSR SISTEM BAHASA**Kertas Pemahaman (Bahagian A: Soalan 1 – 20
dan Bahagian B: Soalan 21 – 25)**Praktis 1**Isi tempat kosong dengan jawapan yang *paling sesuai*.

1. Razali mendapat tempat _____ dalam pertandingan usahawan muda.

A	satu
B	ketiga
C	sekalian
D	beberapa

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Para peniaga yang berniaga di karnival usahawan itu menghias gerai _____ untuk menarik kedatangan pelanggan.

A	masing-masing
B	segelintir
C	seluruh
D	kedua

3. Golongan muda _____ oleh pihak kerajaan untuk berniaga agar dapat menjanakan pendapatan.

A	galakan
B	tergalak
C	digalakkan
D	menggalakkan

4. Semua barang di pasar raya itu _____ kemas di dalam almari berkaca.

A	menyusun
B	bersusun
C	tersusun
D	susunan

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



5. Pengerusi Persatuan Nelayan Besarlah itu memikul _____ untuk menjaga kebajikan para nelayan di kawasannya.

A	sukarela
B	kerjasama
C	tandatangan
D	tanggungjawab

6. Puan Aminah berniaga secara _____ di pasar tani dengan menjual sayur yang ditanam di kebunnya.

A	kecil-kecilan
B	besar-besaran
C	mudah-mudahan
D	kenang-kenangan

Praktis 2

Pilih perkataan paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini. KON UPSR 2017



yang

setelah

bahawa

tetapi

atau

dan

supaya

hingga

1. Rahimah [] adiknya menabung sejak berusia tujuh tahun.
2. Pak Long Abas menyatakan [] anaknya berjaya dalam perniagaan rumpai laut.
3. Encik Ridzuan tidak pasti sama ada hendak berniaga laksa [] mi kuah.
4. Nasi lemak yang dijual oleh Puan Sadiyah itu sedap [] pedas.

Praktis 3

Bina ayat tunggal berdasarkan perkataan yang diberikan.

1. Pak Musa telah mendapat daripada pelanggan sambutan Perusahaan baulu

2. orang peniaga Beberapa dipasar terapung menjual barangan

Praktis 4

Bina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal yang diberikan.

1. (a) Mohamad Firdaus berasa sangat gembira.
(b) Dia dapat pergi ke Karnival Usahawan Desa.

Mohamad Firdaus berasa sangat gembira kerana dapat pergi ke Karnival Usahawan Muda.

Mohamad Firdaus berasa sangat gembira supaya dapat pergi ke Karnival Usahawan Muda.

2. (a) Puan Rohani pergi ke gerai ikan segar.
(b) Beliau memilih dua ekor ikan merah.

Puan Rohani pergi ke gerai ikan segar agar memilih dua ekor ikan merah.

Puan Rohani pergi ke gerai ikan segar lalu memilih dua ekor ikan merah.